

Headline **MIMOS dapat anugerah**
Date **12 Aug 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **21**
Article Size **31 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **878**
PRValue **2,634**



MIMOS dapat anugerah

MIMOS, pusat penyelidikan gunaan utama negara dalam bidang teknologi menerima Anugerah Perak pada Anugerah Persatuan Malaysia bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MSOSH) 2009.

Anugerah berkenaan bagi mengiktiraf pencapaian cemerlang MIMOS dalam amalan keselamatan dan kesihatan, menurut syarikat itu dalam kenyataan semalam.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata anugerah berkenaan jelas mencerminkan komitmen dan dedikasi MIMOS memastikan tempat kerja bebas sebarang kecederaan dan juga penyakit.